



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

...

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 Julai 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Sembunyi ayam hidup dalam tandas

Melaka: Peniaga warganegara Pakistan didapati menyembunyikan ayam hidup di dalam tandas sebuah kedai runcit di Taman Cheng Emas, Cheng, dekat sini, sebelum dijual kepada pelanggan.

Ia menyebabkan bahagian dalam kedai kotor selain dicemari bau busuk najis unggas berkenaan.

Perkara berkenaan didedahkan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Dr Mohd Hazimin Jamaludin hasil serbuan dijalankan terhadap premis terbabit, Jumaat lalu.

"Pada operasi jam 10 pagi itu, kami dapati kedai runcit itu diusahakan lelaki warga Pakistan berusia 40-an.

"Pada mulanya, dia berdolak-dalik dan menafikan bermula di kedai berkenaan. Namun, selepas ditunjukkan bukti berlakunya aktiviti perniagaan, dia mengaku meskipun tiada lesen



AYAM hidup disorok di dalam tandas sebuah kedai runcit di Taman Cheng Emas, Cheng, Melaka.

daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Keadaan premis juga amat kotor serta dicemari bau busuk kerana dia menjual ayam hidup yang disembunyikan di dalam tandas," katanya kepada Harian Metro ketika dihubungi.

Mohd Hazimin berkata, pihaknya difahamkan, peniaga Pakistan itu dalam proses menukar hak milik perniagaan itu yang dibeli daripada warga tempatan dan hanya mempunyai lesen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Katanya, pihaknya mengeluarkan kompaun RM500 mengikut Akta Timbang Dan Sukat 1972 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana gagal meletakkan tanda harga pada barang jualan, namun tiada sitaan dilakukan.

Terdahulu, video operasi berkenaan tular di media sosial TikTok dan Facebook.



FOO LEE PENG

KETIKA Malaysia mengharungi ketidakpastian global dan tanggungjawab iklim, rasionalisasi subsidi bahan api RON95 bukan lagi pilihan tetapi satu keperluan ekonomi dan moral. Subsidi menyeluruh semasa adalah tidak mamparn dari segi kewangan, memberi manfaat yang tidak seimbang kepada golongan kaya, dan menghalang matlamat nasional ke arah kesaksamaan dan kemampaman. Cabaran sebenar bukan terletak pada sama ada perlu reformasi, tetapi bagaimana melaksanakannya dengan berkesan tanpa menyebabkan kekecewaan atau ketidakstabilan awam.

PENGAJARAN DARI DIESEL
Pengajaran daripada rasionalisasi subsidi diesel 2022 (SKDS 2.0) menawarkan pandangan berharga. Kerajaan memulakan dengan sistem kawalan diesel bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) sebagai projek rintis pada Februari, menyasarkan sektor logistik utama. Pendekatan ini adalah disengajakan: ia membolehkan pihak berkuasa menguji dan memperhalusi sistem, memantau kebocoran, bertindak balas terhadap maklum balas, dan mengembangkan perlindungan secara beransur-sambil meminimumkan gangguan kepada rantaian bekalan penting.

Strategi yang terukur dan berulang ini membantu menguruskan jangkaan dan membina kepercayaan awam. SKDS 2.0 membuktikan bahawa rasionalisasi subsidi bukanlah tindakan drastik, sebaliknya memerlukan penyesuaian berterusan, tadbir urus yang responsif, dan kesedian untuk belajar daripada realiti pelaksanaan di lapangan. Oleh itu, Malaysia memerlukan pelan tindakan yang teliti, disokong oleh mekanisme sasaran yang kukuh dan komunikasi yang telus untuk rasionalisasi RON95.

SUBSIDI HIBRID

Salah satu saluran yang paling menjanjikan adalah penggunaan model sasaran hibrid, sistem berlapis yang mengintegrasikan tiga komponen penting:

- **Penyasaran Berasaskan Pendapatan:** Subsidi harus memberi manfaat utama kepada golongan berpendapatan rendah (B40)



RASIONALISASI
RON95 bukan sekadar pelarasian ekonomi, ia adalah reformasi nasional yang strategik dan berperikemanusiaan.

Rasionalisasi subsidi RON95 perlu rasional

dan sebahagian M40) yang paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup, memastikan kesaksamaan dan sokongan berasaskan keperluan.

- **Profil Kenderaan:** Pemilik kenderaan mewah atau berkapasiti tinggi, yang biasanya berada dalam golongan pendapatan tinggi, harus dikecualikan daripada subsidi untuk mengelakkan manfaat yang tidak seimbang kepada mereka yang paling kurang memerlukannya.

- **Sistem Penghantaran Digital:** Platform seperti PADU boleh memusatkan kelayakan, pengedaran, dan pemantauan, tetapi kejayaannya bergantung pada integrasi dengan pangkalan data kerajaan lain (LHDN, JPI, DOSM) dan perlindungan data yang kukuh. Penting untuk memastikan sistem digital dilengkapi

dengan sokongan luar talian untuk kawasan luar bandar dan sektor tidak formal. Pendekatan hibrid ini merupakan pelaburan strategik dalam inovasi sektor awam dan perlindungan sosial yang disaraskan.

- **KESAN POTONGAN KOS**
Penting untuk memastikan rakyat memahami mengapa reformasi ini diperlukan dan tidak hanya melihatnya sebagai langkah pemotongan kos. Reformasi ini adalah tiang utama pembangunan negara untuk memajukan stabilitan makroekonomi jangka panjang melalui penyataan fiskal, memastikan pengagihan sumber yang lebih efektif untuk pelaburan awam yang inklusif dan meningkatkan produktiviti, serta menyokong usaha mencapai objektif alam sekitar dengan membentuk mekanisme asas untuk

penentuan harga karbon di masa depan. Kerajaan harus menjelaskan kesan kos jangka panjang subsidi menyeluruh, seperti pelaburan yang kurang untuk perkhidmatan penting seperti kesihatan dan pendidikan. Selain itu, kepercayaan awam dibina apabila kerajaan memikul tanggungjawab bersama melalui pemotongan perbelanjaan awam yang tidak perlu, meningkatkan kecekapan perolehan dan membendung rasuah.

Adalah amat penting untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada usaha rasionalisasi ini. Simpanan dari subsidi harus dilaburkan semula ke dalam peningkatan nyata yang boleh dirasai oleh rakyat secara langsung, seperti peningkatan servis dan kualiti pengangkutan awam, pemindahan tunai yang diperluaskan, kos penjagaan kanak-kanak yang berkemampuan, atau pembangunan luar bandar. Apabila rakyat melihat manfaat langsung ini, tentangan mungkin berkurang, dan penerimaan rasionalisasi ini boleh meningkat.

Beberapa langkah praktikal boleh membantu memudahkan peralihan ini. Melaksanakan reformasi secara beransur-sambut dengan garis masa dan pencapaian yang jelas, bermula di kawasan bandar atau dengan segmen kurang penting, boleh membina momentum dan kepercayaan. Tempoh pra-pendaftaran dan simulasi membolehkan individu mengesahkan kelayakan dan

menerima bayaran percubaan sebelum pelaksanaan penuh. Sistem penyelesaian aduan yang efektif memastikan penyelesaian cepat bagi kesilapan atau pergecusian, mengekalkan keadilan. Papan pemuka awam yang menjelaki penggunaan dana subsidi yang disimpan dan pelaburan semula mengukuhkan ketelusan dan keberleggungjawapan dan ini membantu mengekalkan sokongan awam.

Selain itu, reformasi ini mestilah bersesuaian dengan variasi serantau. Kawasan luar bandar, Malaysia Timur dan komuniti yang mudah terjejas dari segi ekonomi mungkin memerlukan pendekatan yang disesuaikan, termasuk unit pendaftaran bergerak atau langkah penyeragaman harga bahan api.

JADIKAN RASIONALISASI ITU RASIONAL

Rasionalisasi RON95 bukan sekadar pelarasian ekonomi, ia adalah reformasi nasional yang strategik dan berperikemanusiaan. Dengan menggabungkan reka bentuk dasar yang bijak, pelaksanaan yang penul empati, dan komunikasi yang jelas, Malaysia boleh mengubah subsidi menjadi alat pemerksaan dan pembangunan negara, bagi mencapai masa depan yang lebih inklusif dan mampam.

PROFESSOR Madya Dr. Foo Lee Peng ialah Pengurus Pusat Penyelidikan Pengajaran dan Dasar (CBPR) di Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT).

JPA's MAPPA XX Run in Kuching records 2,500 participants

KUCHING: A total of 2,500 participants participated in the '20th Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam' (MAPPA XX Run), carried out by the Public Service Department (JPA) through Intan Sarawak Regional Campus at Kuching South City Council (MBKS) yesterday.

The department said Kuching was the next stop for the run after Kuantan, Pahang and Batu Kawan, Penang.

"The participation of more than 2,500 runners included civil servants and the community from all corners of Sarawak," said JPA in a statement.

The event kicked off at 6.30am with the official flag-

off by Deputy Premier Datuk Amar Dr Sim Kui Hian for three running categories: 3km, 5km and 10km.

JPA added that Dr Sim and top management of the federal civil service and Sarawak civil service also took part in the 3km walkathon.

Besides the running event, various activities such as booth exhibitions involving government agencies were also organised, as well as a Rahmah Sale.

Among the exhibitors involved were JPA's Pensions Division, Public Service Commission, Sarawak Health Department, Royal Malaysia Police, Welfare Department, and Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.
— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



BOT nelayan berkenaan diubahsuai dengan lapan tangki fiber yang mengandungi 7,000 liter minyak diesel.

PPM rampas 7,000 liter diesel cuba diseludup

Oleh FARDY BUNGGA

SANDAKAN: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya mengagalkan cubaan menyeludup minyak diesel menggunakan bot nelayan dalam operasi di laut Pulau Berhala, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 3.15 pagi itu, pasukan operasi PPM merampas 7,000 liter minyak diesel bersubsidi yang dipercayai cuba diseludup ke negara jiran.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, semasa rondaan dijalankan, pasukan operasi menahan sebuah bot nelayan dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, pemeriksaan lanjut menemui lapan tangki fiber diubahsuai yang mengandungi 7,000 liter minyak diesel.

"Pasukan operasi terus

menahan seorang juragan warga tempatan berusia 54 tahun bagi membantu si-satan lanjut.

"Keseluruhan ram-pasan dianggarkan bernilai RM367,050 termasuk bot, diesel dan peralatan berkaitan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu mengangkut barang kawalan tanpa permit sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Kes turut disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu cubaan menyeleweng barang kawalan.

"PPM Wilayah 4 akan terus komited dalam membanteras jenayah penyeludupan demi keselamatan dan kesejahteraan negara," katanya.

PPM gagalkan cubaan seludup diesel di Sandakan

Oleh Hamzah Sanudin

SANDAKAN: Cubaan menyeludup minyak diesel ke negara jiran dengan menggunakan bot nelayan sebagai taktik mengaburi pihak berkuasa berjaya dipatahkan Pasukan Polis Marin (PPM) dalam satu operasi di perairan Pulau Berhala, di sini semalam.

Kejadian kira-kira jam 3.15 pagi itu membabitkan sepasukan anggota PPM Sandakan yang sedang menjalankan rondaan sebelum mengesan pergerakan mencurigakan sebuah bot nelayan di kawasan berkenaan.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim, berkata hasil pemeriksaan lanjut ke atas bot terbabit menemukan lapan tangki fiber yang mengandungi minyak diesel dianggarkan sebanyak 7,000 liter.

"Seorang juragan warga tempatan berusia 54 tahun turut ditahan dalam operasi itu kerana dipercayai men-



RAMPAS: Bot nelayan yang cuba membawa diesel seludup ke negara jiran berjaya dirampas.

jadi dalam kegiatan penyelewupan berkenaan.

"Keseluruhan rampasan membabitkan nilai anggaran sebanyak RM367,050 yang merangkumi bot, minyak diesel dan pelbagai peralatan lain," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengangkut barang kawalan tanpa permit sah

dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Kes turut disiasat di bawah Seksyen 21 akta sama atas cubaan menyeleweng barang kawalan."

"PPM Wilayah 4 akan terus komited memperhebatkan operasi dan pemantauan bagi membanteras aktiviti penyelewupan yang boleh mengancam keselamatan dan ekonomi negara," katanya.

SST daging import: Restoran makanan barat ubah strategi

PETALING JAYA: Pengusaha restoran berasaskan makanan barat mula berasa tekanan akibat peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), susulan pelaksanaan cukai lima peratus ke atas daging import.

Pemilik restoran Experiment Kitchen, Muhammad Hazim Yahaya berkata, pihaknya berdepan kenaikan harga antara empat hingga lima peratus sejak ia dikuatkuasakan.

Katanya, kebanyakan bahan mentah seperti kambing yang digunakan untuk hidangan seperti *lamb chop* diimport dari Australia dan New Zealand.

“Kenaikan SST amat memberi kesan kepada kami, terutamanya apabila margin keuntungan restoran semakin mengecil.

“Kebiasaannya, kami memerlukan kira-kira 10 kilogram (kg) daging dan tiga kotak ayam setiap hari. Selain itu, restoran makanan dan minuman (F&B) seperti kami

terpaksa melalui beberapa peringkat rantai pembekalan yang turut menyumbang kepada peningkatan harga,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Meskipun berdepan kenaikan kos, Muhammad Hazim memilih tidak menaikkan harga, sebaliknya membuat pelarasan bersesuaian di restorannya yang telah beroperasi sejak sembilan tahun lalu di Cheras.

“Harga kekal, tetapi saya kecilkan sedikit saiz hidangan atau ubah suai sajian. Contohnya tidak meletakkan kentang lenyek (mashed potato).

“Kami berusaha menyesuaikan hidangan agar kos bahan mentah masih dapat dikawal, selain memastikan bayaran gaji pekerja dan komitmen operasi tetap terjaga.

Sejak SST dilaksanakan, saya perhatikan lebih ramai pelanggan mula berjimat dan kurang makan di luar,” katanya.

Kenal pasti bentuk sokongan pelajar terkesan kos sara hidup

KANGAR: Universiti Malaysia Perlis (Unimap) komited menjalankan kajian dalam yang menyeluruh berhubung implikasi ekonomi, sosial dan psikologi pelajar kesan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Naib Canselor Unimap, Datuk Prof. Dr. Zaliman Sauli berkata, pihaknya mengambil maklum berhubung arahan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambray Abd. Kadir yang menggesa pihak universiti untuk meneliti secara menyeluruh kesan peluasan SST itu terhadap mahasiswa.

Katanya, pihak universiti akan mendapatkan input daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), wakil kolej kediaman serta jabatan hal ehwal pelajar untuk mengenal pasti bentuk sokongan atau intervensi bersesuaian yang boleh disediakan kepada mahasiswa.

"Selain itu, kita juga akan menyebarluaskan inisiatif tabung amanah dan zakat untuk membantu khususnya pelajar dalam golongan B40 yang terkesan

"Dalam masa terdekat, Unimap juga akan mengadakan libat urus bersama wakil Ke-

menterian Pendidikan Tinggi dan universiti awam lain bagi memastikan sebarang cadangan atau langkah penambahbaikan dapat diselaraskan dan disampaikan kepada pemegang taruh universiti," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Zambray dilaporkan berkata, semua Naib Canselor telah diminta membuat kajian terperinci bagi mengenal pasti kesan peluasan skop SST kepada mahasiswa di universiti masing-masing.

Sebelum itu, Yang Dipertua MPP Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohamad Amar Aidid Mohd. Zain dilaporkan berkata, peluasan skop SST sejak 1 Julai lalu didakwa turut membawa implikasi kewangan kepada mahasiswa apabila perkara itu menyebabkan kenaikan perkhidmatan langganan digital dan pembaikan alat elektronik.

Zaliman berkata, pihaknya percaya bahawa sebarang perubahan dasar ekonomi perlu diteliti dari pelbagai sudut termasuklah kesannya terhadap golongan pelajar.

"Ia bagi memastikan agar akses kepada pendidikan tinggi kekal inklusif dan tidak membebankan," katanya.

针对某网购平台系列新政策 电商不满提11项诉求

(安邦 6 日讯) 多名电商对某网购平台即将实施的一系列新政策和收费制度表达强烈不满，认为这些举措将大幅推高整体交易成本，甚至可能导致他们在交易中蒙受亏损。

电商们对此感到不安，已整合出 11 项诉求，涵盖平台收费制度、营运机制、评价与系统机制、申诉与风控机制等方面，促请平台重新审视这些措施可能带来的影响。

他们于昨日下午 5 时发起线上请愿，至今已获得超过 1700 名电商支持，所成立的 WhatsApp 交流群成员也已超过 700 人，显示出他们对平台政策的高度关注。

吁设监督机构

逾 10 名电商在行动党雪州公共投诉局主任兼莲花苑州议员游佳豪、副主任兼安邦再也市议员李文彬的陪同下召开记者会，呼吁政府和平台正视他们的反馈，并设立专门的监督机构，以规范平台运营，保障商家权益。

与会电商指出，平台其中一项令人不安的新措施是，平台将对每

一笔订单征收 50 仙的处理费，加上服务及销售税 (SST)，总计 54 仙。

他们强调，这笔 54 仙的费用适用于所有订单，即使是 1 令吉的订单也必须被征收。若电商要避免亏损，可能不得不考虑涨价，这将直接影响到 B40 低收入群体的买家。

电商们也面对即便按订单正确发货，顾客仍申请退货的情况，这导致他们必须承担运费和手续费。他们往往需要主动向平台提出申请，才能争取豁免相关手续费。

电商们也希望政府能成立委员会或投诉机构，专门处理电商网购领域的各项事宜。

露营产品电商陈健坤指出，该网购平台的佣金比例调整频繁且幅度巨大，对电商造成巨大压力。

他透露，佣金比例从 2023 年的 2.5% 至 4%，已涨至今年 7 月的 9.2% 至 16.2%。

家庭用品电商刘俊麟指出，大



多名电商不满某网购平台即将实施的一系列新政策的收费制度，冀有关当局关注；前排左起依斯甘达、陈健坤、游佳豪、李文彬、阿里夫和陈得芳。

举例：1 令吉商品交易：

佣金：12 仙 (11.88%，含 SST)

处理费：54 仙 (含 SST)
若订单涉及 10 令吉运费，平台额外征收手续费：42 仙

结果：商家亏损 8 仙

马现有法律倾向于保护消费者，使得电商如同“夹心饼干”，既没有选择权，在遭受不公时也投诉无门。

他表示，政府是时候介入电商平台环境，与卖家共同努力，把电商生态圈建设得更好。

来自柔佛的礼品商家陈得芳直言，电商们对平台长期存在的问题早已忍无可忍，目前电商环境处于

电商 11 项核心诉求

- 1) 新增平台处理费可能形成重复性收费。
- 2) 佣金多次调整，建议加强事前沟通机制。
- 3) 先买后付手续费结构造成卖家成本上升。
- 4) 发货时限设定对小商家不够弹性。
- 5) 部分服务默认启用，建议提供选择权。
- 6) 物流安排偏向特定服务商，建议保障选择自由。
- 7) “相似此商品评价”机制或影响消费者认知。
- 8) 无法屏蔽恶意买家，削弱卖家保护能力。
- 9) 包裹遗失与索赔流程繁杂。
- 10) 买家退货机制缺乏对卖家合理保护。
- 11) 运费超收争议需提升证据标准与透明度。

不健康状态，政府和平台必须认真看待此事。

出售二手电器和游戏卡的依斯甘达指出，平台制度多次调整，订单因不同的支付方式，被平台征收的费用也会有差异。



多名电商不满某网购平台即将实施一系列新政策和收费制度，并希望获得有关当局的关注。前排左起为依斯甘达、陈健坤、游佳豪、李文彬、阿里夫和陈得芳。

電商不滿網購平台新政策 盼設監督機構規範營運

(安邦6日讯)逾10名电商今日在行动党雪州公共投诉局主任兼莲花苑州议员游佳豪、副主任兼安邦再也市议员李文彬陪同下召开新闻发布会，希望政府和平台能正视他们的反馈，设立专门监督机构，规范平台营运，保障商家权益。

他们也提及，平台其中一个令电商不安的措施是，平台将对每一笔订单征收处理费兼服务与销售税(SST)，即54仙；这笔54仙费用会套用在所有订单，即便是1令吉的订单都必须被征收，电商若要避免造成亏损，或会考虑涨价，此举则将影响来自B40阶层的买家。

此外，即便根据订单正确发货，电商仍会面对顾客申请退货的情况而要承担运费和手续费，必须主动向平台提出申请，才能争取豁免手续费。

游佳豪：双方应开会共商

对此，游佳豪已联系被点名的网购平台，建议平台与电商们举办一场会议或汇报会，共同讨论被电商们认为不公平的机制。

陳健坤：佣金多次調整漲幅大

售露营产品的陈健坤指出，该网购平台的佣金制度已多次调整，包括从2023年的2.5%至4%，到今年7月9.2%至16.2%，频繁且幅度大的调整对电商造成压力。

他说，平台许多措施对小商家缺乏弹性，比如要求中午12时之前的订单必须当天发货，包括周六、货到付款和当日送达等服务无法关闭或自动被启动。

他直言，商家都有自己的接单、打包流水线，但货到付款和当日送达的订单则会干扰整个打包流程。

劉俊麟：被打壓投訴無門

售希望政府成立委员会或投诉机构，以专注处理电商网购的各种事宜。

出售家庭用品刘俊麟指出，我国现有的法律倾向保护消费者，电商就像夹心饼，没有选择权，被打压也投诉无门。

他说，希望政府看到电商们的心声和付出，并插手干预电商平台环境，与卖家一起努力把电商圈子做好。

“虽然平台有向我作出解释，但这解释对买家好处大于卖家的利益，我认为平台应让买卖双方权益取得平衡。”

他指出，我国的电商、网上交易发展是在行动管制之后蓬勃发展起来，卖家和买家的数量都大幅度增加。

“在过程中，网购从以前不成熟的行业到现在逐渐成熟，平台一直不断作出改变和调整，希望平台能够关注卖家提出的投诉和申诉。”

建议电商成立公会

同时，游佳豪也建议电商们组织一个公会或有代表性的组织，以便更有组织性向平台进行谈判或协商。

较早前，多名电商不满某网购平台即将实施的一系列新政策和收费制度，梳理整合出对平台收费制度、平台制度设置与营运机制、评价与系统机制、申诉与风控机制等11项诉求，也在昨午5时发起网上请愿，至今已有超过1700名电商支持，所成立的WhatsApp交流群成员亦超过700人，凸显对平台的政策高度关注。

例子： 售价1令吉的笔

佣金： 12仙 (11.88%，含SST)

处理費： 54仙(含SST)

若订单涉及10令吉

运费，平台征收額 42仙

外手续费：

商家： 亏损8仙

電商梳理出的11項訴求

- 1 新增平台处理费可能形成重复性收费
- 2 由于佣金多次调整，因此建议加强事前沟通机制
- 3 先买后付手续费结构造成卖家成本上升
- 4 发货时限设定对小商家不够弹性
- 5 部分服务默认启用，建议提供选择权
- 6 物流安排偏向特定服务商，建议保障选择自由
- 7 “相似此商品评价”机制或影响消费者认知
- 8 无法屏蔽恶意买家，削弱卖家保护能力
- 9 包裹遗失与索赔流程繁杂
- 10 买家退货机制缺乏对卖家合理保护
- 11 运费超收争议需提升证据标准与透明度

陳得芳：賣家利益被剝奪

来自柔佛的礼品商家陈得芳表示，电商对平台的种种问题早已忍耐许久，现正处于不健康的情况，政府和平台必须认真看待此事。

他指出，“个人原因退货”是不健康的文化，卖家被剥夺很多利益，然而卖家没有渠道预防这类事件的发生。

“我们希望政府必须更关注、严谨监督、认真调查电商平台，给卖家更多选择，而不是全部由平台主导。”

依斯甘達：平台徵收費用有差別

出售二手电器和游戏机的依斯甘达指出，平台制度多次调整，所接到的订单若是不同的支付方式，被平台征收的费用也会有差别。

他举例，2月一笔140令吉的订单，被平台征收的各种费用总额为21令吉36仙，但7月一笔130令吉的订单，被征收的费用已是21令吉95仙。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 JULAI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Jul	Profiteering complaint to clampdown in 24 hours	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/04/profiteering-complaint-to-clampdown-in-24-hours	THE STAR
7-Jul	'Swift action key to price stability'	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/04/swift-action-key-to-price-stability	THE STAR
7-Jul	Harga ikan di Terengganu stabil, peniaga pilih jaga hati pelanggan	https://selangorkini.my/2025/07/harga-ikan-di-terengganu-stabil-peniaga-pilih-jaga-hati-pelanggan/	SELANGOR KINI
7-Jul	Seafood prices stable in Terengganu despite SST expansion	https://thesun.my/malaysia-news/seafood-prices-stable-in-terengganu-despite-sst-expansion-OB14403937	THE SUN
7-Jul	SST: Peniaga ikan Pasar Payang 'jaga hati' pelanggan	https://barangmurah.my/berita/sst-peniaga-ikan-pasar-payang-jaga-hati-pelanggan/	BARANG MURAH
7-Jul	Kapal tangki bawa 62,000 liter diesel tanpa kebenaran ditahan	https://www.buletintv3.my/nasional/kapal-tangki-bawa-62000-liter-diesel-tanpa-kebenaran-ditahan/	TV3
7-Jul	Selangor MMEA seizes tanker with 62,000 litres of illegal diesel	https://malaysiacorner.com/story/selangor-mmea-seizes-tanker-with-62000-litres-of-illegal-diesel/r90843007	MALAYSIA CORNER
7-Jul	Selangor MMEA seizes tanker with 62,000 litres of illegal diesel	https://thesun.my/malaysia-news/selangor-mmea-seizes-tanker-with-62000-litres-of-illegal-diesel-GB14405056	THE SUN
7-Jul	Kapal tangki warga Indonesia ditahan bersama 65,000 liter minyak diesel tanpa permit	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1236969/kapal-tangki-warga-indonesia-ditahan-bersama-65000-liter-minyak-diesel	HARIAN METRO

7-Jul	Lazada akan naikkan caj komisen terhadap penjual berkuat kuasa 18 Julai 2025	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lazada-akan-naikkan-caj-komisen-terhadap-penjual-berkuat-kuasa-18-julai-2025-527906	ASTRO AWANI
7-Jul	Syarikat tangguh naik harga produk selepas dipanggil KPDN	https://newswav.com/video/syarikat-tangguh-naik-harga-produk-selepas-dipanggil-kpdn-V2507_8ylsXx	NEWSWAV
7-Jul	Domestic Trade Ministry to roll out updated beauty industry guidelines for safer, more professional sector	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/04/domestic-trade-ministry-to-roll-out-updated-beauty-industry-guidelines-for-safer-more-professional-sector/182760	MALAYMAIL
7-Jul	Two firms delay price hikes after KPDN meeting with Armizan	https://newswav.com/article/two-firms-delay-price-hikes-after-kpdn-meeting-with-armizan-A2507_msY6IA	NEWSWAV
7-Jul	Syarikat ais, pengeluar makanan sejuk beku tangguh naik harga	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/syarikat-ais-pengeluar-makanan-sejuk-beku-tangguh-naik-	UTUSAN
7-Jul	PPM gagalkan cubaan seludup diesel di Sandakan	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/06/ppm-gagalkan-cubaan-seludup-diesel-di-	UTUSAN BORNEO
7-Jul	PPM rampas 7,000 liter diesel cuba diseludup	https://www.asiatimes.com.my/2025/07/06/ppm-rampas-7000-liter-diesel-cuba-diseludup/	ASIA TIMES
7-Jul	PPM Rampas 7,000 Liter Diesel Cuba Diseludup	https://www.nabalunews.com/post/ppm-rampas-7-000-liter-	NABALU NEWS

7-Jul	SST: Unimap kenal pasti bentuk sokongan bantu pelajar terkesan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/sst-unimap-kenal-pasti-bentuk-sokongan-bantu-pelajar-terkesan/	UTUSAN
7-Jul	UniMAP komited jalankan kajian dalaman pelaksanaan SST ke atas pelajar	https://jendelamada.net/2025/07/06/unimap-komited-jalankan-kajian-dalaman-pelaksanaan-sst-ke-atas-pelajar/	JENDELA MADANI
7-Jul	MOHE Directs University Leaders to Study SST Expansion Impact on Students	https://malaysiantribune.com/mohe-directs-university-leaders-to-study-sst-expansion-impact-on-	MALAYSIAN TRIBUNE
7-Jul	MAPPA 2025 Sarawak Run surpasses expectations with 2,500 participants	https://www.sarawaktribune.com/mappa-2025-sarawak-run-surpasses-expectations-with-2500-participants/	SARAWAK TRIBUNE
7-Jul	Larian MAPPA XX Tahun 2025 Sarawak : Memupuk Budaya Sihat dalam Kalangan Penjawat Awam	https://www.rakansarawak.com/v3/2025/07/06/larian-mappa-xx-tahun-2025-sarawak-memupuk-budaya-sihat-dalam-kalangan-penjawat-awam/	RAKAN SARAWAK
7-Jul	Lebih 2,500 Sertai Larian MAPPA XX Di Kuching	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2441888	BERNAMA